



CUKAI JUALAN

PANDUAN KEMUDAHAN PEMOTONGAN CUKAI JUALAN

Diterbitkan oleh:

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN)
Putrajaya**

30 Oktober 2019

Penerbitan

Tarikh: 30 Oktober 2019

Panduan Kemudahan Pemotongan Cukai Jualan sehingga 9 Ogos 2019 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Kemudahan Pemotongan Cukai Jualan yang dikemaskini pada 30 Oktober 2019.

Notis Hakcipta

Hak Cipta 2019 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

Penafian

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Jualan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

KANDUNGAN

PENGENALAN	1
TERMINOLOGI.....	1
KEMUDAHAN PEMOTONGAN CUKAI JUALAN	2
KADAR POTONGAN CUKAI JUALAN.....	3
SYARAT PEMOTONGAN CUKAI JUALAN	5
PEMOTONGAN CUKAI JUALAN YANG TIDAK DIBENARKAN.....	8
CARA PEMOTONGAN CUKAI JUALAN.....	8
TATACARA PERMOHONAN UNTUK PEMOTONGAN CUKAI JUALAN.....	11
SOALAN-SOALAN LAZIM.....	14
PERTANYAAN	17
BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST	17

PENGENALAN

1. Panduan Kemudahan Pemotongan Cukai Jualan disediakan untuk membantu pengilang berdaftar dalam memahami pelaksanaan kemudahan pemotongan cukai jualan (dahulu dikenali sebagai Sistem Kredit semasa era SST 1.0) yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2019.
2. Kemudahan ini diberikan agar dapat mengurangkan beban pengilang berdaftar yang membeli input pengilangan daripada pembekal dan bukannya daripada pengilang berdaftar. Kemudahan ini juga dapat mengelakkan percukaian berganda dan menurunkan kos perniagaan pengilang berdaftar.
3. Perundangan berkaitan pelaksanaan kemudahan pemotongan cukai jualan adalah seperti berikut:
 - (i) Akta Cukai Jualan 2018
 - (ii) Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pindaan) 2018
 - (iii) Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai) 2018

TERMINOLOGI

4. Perkataan berikut mempunyai maksud berikut di dalam panduan ini:
 - (i) **“Pembekal”** ertinya seorang yang bukan seorang pengilang berdaftar.
 - (ii) **Seseorang yang disifatkan sebagai mempunyai kaitan dengan seseorang yang lain adalah sebagaimana yang ditetapkan di bawah subperaturan 2(3) Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai) 2018.**

KEMUDAHAN PEMOTONGAN CUKAI JUALAN

5. Di bawah seksyen 41A(1) Akta Cukai Jualan 2018:

- (i) Tertakluk kepada seksyen 41A(2) Akta Cukai Jualan 2018, Menteri boleh membuat peraturan-peraturan bagi menetapkan-
 - (a) peratusan cukai jualan yang akan dipotong berkenaan dengan barang bercukai yang dibeli oleh pengilang berdaftar;
 - (b) syarat bagi pemotongan itu; dan
 - (c) bentuk dan cara bagi pemotongan itu.
- (ii) Pemotongan cukai jualan di bawah seksyen 41A(1) Akta Cukai Jualan 2018 hendaklah dibuat ke atas barang bercukai yang merupakan bahan mentah, komponen atau bahan bungkusan dan pembungkusan yang digunakan semata-mata dalam pengilangan barang bercukai.

6. Pengilang berdaftar boleh membuat permohonan untuk pemotongan cukai jualan kepada Ketua Pengarah dalam bentuk dan cara sebagaimana yang ditetapkan [Seksyen 41A(2A) Akta Cukai Jualan 2018].

7. Jika Ketua Pengarah meluluskan permohonan untuk pemotongan cukai jualan, pemotongan itu hendaklah mengikut peratusan dan syarat yang ditetapkan oleh Menteri [Seksyen 41A(2B) Akta Cukai Jualan 2018].

8. Pengilang berdaftar boleh membuat permohonan untuk pemotongan cukai jualan berkenaan dengan barang bercukai yang dibeli daripada pembekal seperti bahan mentah, komponen atau bahan bungkusan dan pembungkusan yang digunakan semata-mata dalam pengilangan barang bercukainya [Peraturan 16A, Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pindaan) 2018].

9. Kemudahan ini diperkenalkan kerana terdapat pengilang berdaftar yang tidak mempunyai pilihan melainkan terpaksa membeli input daripada pembekal dan input tersebut tidak dapat diimport atau dibeli secara terus daripada pengilang berdaftar lain dengan menggunakan pengecualian di bawah Jadual C, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018. Contoh pembelian yang dibenarkan ialah pembelian secara runcit (dalam kuantiti yang kecil) atau pembelian yang dibuat secara *ad-hoc* daripada pembekal.

10. Pengilang berdaftar yang diluluskan untuk menggunakan kemudahan pemotongan cukai jualan juga dibenarkan untuk menggunakan pengecualian di bawah Jadual C, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018.

KADAR POTONGAN CUKAI JUALAN

11. Kadar potongan cukai jualan adalah tertakluk kepada Peraturan 16B, Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pindaan) 2018. Pemotongan cukai jualan berkenaan dengan barang bercukai yang dibeli oleh pengilang berdaftar hendaklah berdasarkan kepada kadar berikut:

Kadar Cukai Jualan Barang Bercukai yang Dibeli	Kadar Potongan Cukai Jualan
5%	2%
10%	4%

12. Pemotongan cukai jualan yang boleh diberi adalah berdasarkan daripada jumlah nilai barang bercukai yang dibeli. Contoh pengiraan pemotongan cukai jualan adalah seperti berikut:

(i) Input yang berkadar cukai jualan lima (5) peratus

	Kadar Potongan Cukai Jualan (2%)
Harga barang (input)	RM1,000.00
Cukai jualan telah dibayar (5%)	RM50.00
<i>Mark up</i> oleh pembekal (50%)	RM 525.00
Jumlah belian oleh pengilang berdaftar	RM1,575.00
Kadar potongan cukai	RM1,575.00 x 2%
Amaun potongan cukai	RM31.50

Amaun potongan cukai sebanyak RM31.50 akan ditolak dari jumlah nilai cukai yang kena dibayar dalam Penyata SST-02.

(ii) Input yang berkadar cukai jualan sepuluh (10) peratus :

	Kadar Potongan Cukai Jualan (4%)
Harga barang (input)	RM1,000.00
Cukai jualan telah dibayar (10%)	RM100.00
<i>Mark up</i> oleh pembekal (50%)	RM550.00
Jumlah belian oleh pengilang berdaftar	RM1,650.00
Kadar potongan cukai	RM1,650.00 x 4%
Amaun potongan cukai	RM66.00

Amaun potongan cukai sebanyak RM66.00 akan ditolak dari jumlah nilai cukai yang kena dibayar dalam Penyata SST-02.

SYARAT PEMOTONGAN CUKAI JUALAN

13. Di bawah Peraturan 16C, Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pindaan) 2018, pemotongan cukai jualan yang dibuat hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (i) Barang bercukai itu dibeli daripada pembekal dan pembekal itu tidak mempunyai kaitan dengan pengilang berdaftar;
- (ii) Barang bercukai yang dibeli daripada pembekal telah dibayar cukai jualan [Peraturan 16A(1), Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pindaan) 2018];
- (iii) Pembelian barang bercukai itu dibuktikan dengan invois yang dikeluarkan oleh pembekal kepada pengilang berdaftar dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris yang mengandungi butir-butir seperti berikut:
 - (a) Nombor siri invois;
 - (b) Tarikh invois;
 - (c) Nama dan alamat pembekal;
 - (d) Nama dan alamat pengilang berdaftar yang membeli barang bercukai itu;
 - (e) Perihal barang bercukai yang dijual;
 - (f) Diskaun yang ditawarkan;
 - (g) Bagi setiap perihal, bezakan jenis barang bercukai, kuantiti barang bercukai dan amaun yang kena dibayar;
 - (h) Jumlah amaun kena dibayar; dan

- (i) Amaun yang dinyatakan dalam mata wang lain selain ringgit hendaklah juga dinyatakan dalam ringgit pada kadar pertukaran jualan yang dipakai di Malaysia pada masa penjualan barang bercukai itu.
- (j) Barang bercukai yang dibeli daripada pembekal hendaklah digunakan dalam pengilangan barang bercukai pengilang berdaftar yang membuat pemotongan cukai jualan itu [Peraturan 16A(1), Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pindaan) 2018];
- (k) Pemotongan cukai jualan yang dituntut dalam Penyata SST-02 adalah untuk tempoh bercukai semasa barang bercukai itu dibeli [Peraturan 16E(1)(b), Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pindaan) 2018];
- (l) Pengilang berdaftar hendaklah menyimpan semua rekod yang berkaitan dengan pemotongan cukai jualan dari tarikh pemotongan bagi tempoh tujuh (7) tahun untuk pemeriksaan oleh pegawai cukai jualan yang hak pada bila-bila masa; dan
- (m) Apa-apa syarat lain sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri untuk dikenakan.

14. Di bawah Subperaturan 2(3), Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Penentuan Nilai Jualan Barang Bercukai) 2018, seseorang disifatkan sebagai mempunyai kaitan dengan seseorang yang lain jika:

- (i) Mereka ialah pegawai atau pengarah perniagaan satu sama lain;
- (ii) Mereka diiktiraf secara sah sebagai pekongsi dalam perniagaan;
- (iii) Seseorang lain secara langsung atau secara tidak langsung mempunyai, mengawal atau memegang lima (5) peratus atau lebih saham atau syer pengundian diterbitkan bagi kedua-dua mereka;

- (iv) Seseorang daripada mereka secara langsung atau secara tidak langsung mengawal seorang yang satu lagi itu;
- (v) Mereka secara langsung atau secara tidak langsung dikawal oleh orang ketiga;
- (vi) Mereka bersama-sama secara langsung atau secara tidak langsung mengawal orang ketiga;
- (vii) Mereka adalah anggota keluarga yang sama jika;
 - (a) Mereka mempunyai kaitan melalui pertalian darah dalam hubungan generasi ketiga;
 - (b) Mereka berkahwin antara satu sama lain atau jika seseorang berkahwin dengan seseorang yang mempunyai kaitan dalam hubungan generasi ketiga dengan seorang yang lain; atau
 - (c) Seseorang yang telah diangkat sebagai anak kepada seorang yang lain atau sebagai seorang anak kepada seseorang yang dalam hubungan generasi ketiga dengan orang yang lain;
- (viii) Seseorang daripada mereka merupakan pemegang amanah dalam suatu penyelesaian jika;
 - (a) Seseorang lain dalam penyelesaian itu ialah seorang setlor;
 - (b) Mana-mana orang adalah berkaitan dengan setlor yang disebut dalam subperenggan (viii)(a); atau
 - (c) Suatu pertubuhan yang diperbadankan adalah berkaitan dengan penyelesaian itu.

PEMOTONGAN CUKAI JUALAN YANG TIDAK DIBENARKAN

15. Di bawah Peraturan 16D, Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pindaan) 2018, Menteri boleh untuk tidak membenarkan pemotongan cukai jualan dibuat jika dia berpuas hati bahawa:

- (i) Pengilang berdaftar telah memberikan maklumat palsu, mengelirukan atau tidak tepat dalam permohonannya;
- (ii) Pengilang berdaftar telah berhenti mengilang barang bercukai; atau
- (iii) Atas permintaan secara bertulis oleh pengilang berdaftar.

16. Manakala di bawah seksyen 88A, Akta Cukai Jualan 2018, jika mana-mana orang menyebabkan pemotongan cukai jualan di bawah seksyen 41A yang tidak benar bagi dirinya atau bagi orang lain, dia dianggap telah melakukan kesalahan dan jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan:-

- (i) Denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak lebih tiga (3) tahun atau kedua-duanya; dan
- (ii) Penalti sebanyak dua (2) kali ganda daripada jumlah potongan cukai yang melebihi jumlah potongan cukai yang boleh ditolak.

CARA PEMOTONGAN CUKAI JUALAN

17. Apa-apa pemotongan cukai jualan hendaklah dibuat berdasarkan kadar yang ditetapkan di bawah Peraturan 16B, Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pindaan) 2018 dan dibuat dalam penyata bagi tempoh bercukai semasa barang bercukai itu dibeli (Peraturan 16E, Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pindaan) 2018).

18. Amaun potongan cukai jualan hendaklah ditolak daripada jumlah nilai cukai yang kena dibayar dalam Penyata SST-02.

19. Pembelian input yang dibuat sebelum tarikh kuatkuasa surat kelulusan

permohonan pendaftaran untuk pemotongan cukai jualan dan pembelian input di luar tempoh bercukai adalah tidak dibenarkan. Misalnya pembelian input dibuat dalam bulan Januari dan Februari, amaun potongan cukai jualan hendaklah dipotong dari jumlah nilai cukai yang kena dibayar untuk tempoh bercukai Januari dan Februari sahaja.

20. Amaun potongan cukai jualan yang boleh dipotong bagi tempoh bercukai semasa akan automatik masuk ke dalam ruangan 13(b) dalam Penyata SST-02.

Contoh 1:

Menu potongan cukai jualan dalam sistem MySST

Tempoh Bercukai Jan - Feb			
Baki b/b ¹	-	Potongan cukai yang digunakan	RM 1,000
Potongan cukai semasa	RM 1,000	Baki h/b ²	-
	RM 1,000		RM 1,000

Nota:

¹ Baki bawa ke bawah; ² Baki hantar ke bawah

Potongan cukai jualan dalam Penyata SST-02

Penyata SST-02		Jan-Feb
Item 12	Jumlah Nilai Cukai Yang Kena Dibayar	RM1,500
Tolak: Amaun Potongan Cukai		
Item 13(a)	Potongan Cukai Melalui Nota kredit	-
Item 13(b)	Potongan Cukai Jualan	RM1,000
Item 13A	Pelarasan Di bawah Potongan Cukai Jualan	-
Item 14	Jumlah Cukai Yang Kena dibayar Sebelum Penalti Dikenakan	RM 500

21. Jika amaun potongan cukai jualan bagi mana-mana tempoh bercukai melebihi jumlah nilai cukai yang kena dibayar, baki potongan cukai jualan itu boleh dipotong di dalam penyata untuk tempoh bercukai berikutnya sehingga keseluruhan baki

amaun potongan cukai jualan selesai dipotong. Baki amaun potongan cukai jualan yang dibawa ke tempoh bercukai berikutnya akan dibuat pelarasan dalam sistem MySST secara automatik.

Contoh 2:

Menu potongan cukai jualan dalam sistem MySST

Tempoh Bercukai Jan – Feb			
Baki b/b	-	Potongan cukai yang digunakan	RM 1,000
Potongan cukai semasa	RM 1,000	Baki h/b	-
	RM 1,000		RM 1,000
Tempoh Bercukai Mac – April			
Baki b/b	-	Potongan cukai yang digunakan	RM 1,000
Potongan cukai semasa	RM 1,500	Baki h/b	RM 500
	RM 1,500		RM 1,500
Tempoh Bercukai Mei – Jun			
Baki b/b	RM 500	Potongan cukai yang digunakan	RM 1,000
Potongan cukai semasa	RM 1,000	Baki h/b	RM 500
	RM 1,500		RM 1,500

Potongan cukai jualan dalam Penyata SST-02

Penyata SST-02	Tempoh Bercukai		
	Jan – Feb RM	Mac – Apr RM	Mei – Jun RM
Item 12: Jumlah Nilai Cukai Yang Kena Dibayar	1,500	1,000	1,000
Tolak: Amaun Potongan Cukai			
Item 13(a): Potongan Cukai Melalui Nota Kredit	-	-	-
Item 13(b): Potongan Cukai Jualan	1,000	1,500	1,000
Item 13A: Pelarasan Di bawah Potongan Cukai Jualan	-	1,000	-
Item 14: Jumlah Cukai Yang Kena dibayar Sebelum Penalti Dikenakan	500	0	0

22. Baki amaun potongan cukai jualan yang tidak dipotong tidak akan dibayar balik sekiranya pengilang berdaftar berhenti mengilang barang bercukai.

23. Pengilang berdaftar yang membuat pembelian input tetapi tidak membuat sebarang penjualan barang bercukai bagi sesuatu tempoh bercukai juga boleh membuat pemotongan cukai jualan dalam tempoh bercukai tersebut. Amaun potongan cukai jualan bagi tempoh bercukai tersebut yang tidak dipotong akan dibawa ke tempoh bercukai berikutnya.

24. Jika pengilang berdaftar telah memotong apa-apa amaun cukai jualan yang kena dibayar atas pembelian barang bercukai dan barang bercukai itu telah dilupuskan oleh orang lain selain daripada pengilang berdaftar itu atau selain digunakan untuk pengilangan barang bercukainya, dia hendaklah memberitahu pegawai cukai jualan yang hak mengenai pelupusan itu dan membayar keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada amaun cukai jualan yang telah dipotong.

25. Pengilang berdaftar yang gagal memaklumkan mengenai pelupusan barang bercukai itu dianggap telah melakukan suatu kesalahan.

TATACARA PERMOHONAN UNTUK PEMOTONGAN CUKAI JUALAN

26. Pengilang berdaftar perlu membuat permohonan untuk pemotongan cukai jualan melalui sistem MySST. Terdapat dua (2) peringkat permohonan iaitu:

(i) Permohonan Pendaftaran

- (a) Pengilang berdaftar perlu memohon untuk didaftarkan sebagai orang yang diluluskan untuk menggunakan kemudahan pemotongan cukai jualan.
- (b) Surat kelulusan permohonan pendaftaran untuk pemotongan cukai jualan akan dikeluarkan secara automatik oleh sistem MySST setelah permohonan berjaya dihantar. Nombor kelulusan pendaftaran dan tarikh berkuatkuasa dinyatakan dalam surat

kelulusan tersebut. Contoh surat kelulusan permohonan pendaftaran untuk pemotongan cukai jualan seperti di *Lampiran 1*.

(c) Surat kelulusan ini diberikan secara *blanket* kepada pemohon.

(ii) Permohonan untuk Pemotongan Cukai Jualan bagi Tempoh Bercukai Berkaitan

- (a) Permohonan untuk pemotongan cukai jualan hendaklah dibuat sebelum Penyata SST-02 bagi mana-mana tempoh bercukai diikrar.
- (b) Pengilang berdaftar yang diluluskan pendaftaran perlu mengisi maklumat pembelian bahan mentah, komponen atau bahan bungkusan dan pembungkusan daripada pembekal bagi tempoh bercukai yang berkaitan.
- (c) Pembelian yang dibuat sebelum tarikh berkuatkuasa surat kelulusan permohonan pendaftaran adalah tidak dibenarkan untuk pemotongan cukai jualan.
- (d) Maklumat pembelian barang bercukai yang diperlukan adalah seperti tarikh dan nombor invois pembekal, nama pembekal, nombor pendaftaran perniagaan pembekal, kod tarif dan deskripsi barang dan harga belian.
- (e) Tiada sebarang pindaan boleh dibuat selepas butang 'hantar' diklik. Amaun potongan cukai jualan juga tidak akan dibawa ke Penyata SST-02 sekiranya permohonan masih disimpan sebagai draf.
- (f) Sijil Permohonan Pemotongan Cukai Jualan dan maklumat pembelian bagi tempoh bercukai yang berkenaan akan dijana oleh sistem MySST setelah permohonan dihantar (*Lampiran 2*).

- (g) Amaun potongan cukai jualan akan automatik masuk ke dalam Penyata SST-02 untuk ditolak daripada jumlah nilai cukai yang kena dibayar apabila pengilang berdaftar mengikrar Penyata SST-02 bagi tempoh bercukai yang berkaitan.

27. Langkah-langkah untuk memohon kemudahan pemotongan cukai jualan diterangkan di *Lampiran 3* panduan ini.

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. S : **Siapakah yang boleh menggunakan kemudahan pemotongan cukai jualan?**
J : Pengilang berdaftar dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Peraturan 16C, Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pindaan) 2018.
2. S : **Bolehkah saya membuat pemotongan cukai jualan bagi pembelian *trading goods* daripada pengilang berdaftar yang juga menjalankan aktiviti *trading*?**
J : Tidak dibenarkan kerana syarat pemotongan cukai jualan adalah barang itu dibeli daripada pembekal. Definisi pembekal pula adalah seorang yang bukan pengilang berdaftar.
3. S : **Apakah jenis barang yang boleh mendapat potongan cukai jualan?**
J : Barang yang dibenarkan untuk mendapat potongan cukai jualan adalah barang bercukai yang dibeli oleh pengilang berdaftar daripada pembekal iaitu bahan mentah, komponen atau bahan bungkusan dan pembungkusan yang digunakan semata-mata dalam pengilangan barang bercukainya.
4. S : **Bolehkah saya membuat permohonan pemotongan cukai jualan bagi pembelian barang yang dibuat dalam bulan September 2018 hingga Disember 2018 dalam tempoh bercukai sekarang?**
J : Kemudahan Pemotongan Cukai Jualan berkuatkuasa di Malaysia pada 1 Januari 2019. Pemotongan cukai jualan tidak dibenarkan bagi pembelian barang yang dibuat sebelum 1 Januari 2019.
5. S : **Tarikh surat kelulusan untuk pemotongan cukai jualan saya berkuatkuasa pada 15 Januari 2019. Bolehkah saya membuat permohonan pemotongan cukai jualan bagi pembelian yang dibuat pada 6 Januari 2019?**

- J : Tidak dibenarkan. Sistem akan menghalang mana-mana tarikh invois sebelum tarikh kuatkuasa surat kelulusan daripada membuat permohonan pemotongan cukai jualan.
6. S : **Saya terlupa untuk membuat permohonan pemotongan cukai jualan bagi pembelian barang yang dibuat dalam tempoh bercukai Mac-April 2019. Bolehkah saya membuat potongan cukai jualan bagi pembelian tersebut dalam tempoh bercukai Mei-Jun 2019?**
- J : Tidak dibenarkan. Pemotongan cukai jualan yang dituntut dalam Penyata SST-02 adalah untuk tempoh bercukai semasa barang bercukai itu dibeli.
7. S : **Saya telah mengikrar Penyata SST-02 bagi tempoh bercukai Mei-Jun 2019 dan membuat bayaran cukai yang terlibat. Bolehkah saya membuat potongan cukai jualan setelah Penyata SST-02 diikrar?**
- J : Tidak dibenarkan. Permohonan untuk pemotongan cukai jualan bagi mana-mana tempoh bercukai hendaklah dibuat sebelum Penyata SST-02 diikrar.
8. S : **Bolehkah saya membuat permohonan pemotongan cukai jualan bagi pembelian aset syarikat atau lain-lain perbelanjaan syarikat?**
- J : Tidak boleh. Pemotongan cukai jualan hanya dibenarkan ke atas pembelian input/ barang bercukai yang digunakan dalam aktiviti pengilangan barang bercukai pengilang berdaftar sahaja.
9. S : **Bolehkah saya membuat pemotongan cukai jualan bagi barang yang dikecualikan cukai?**
- J : Tidak boleh. Sistem tidak akan membuat apa-apa potongan cukai jualan jika kadar cukai bagi kod tarif barang itu adalah sifar.

10. S : **Apakah dokumen yang diperlukan untuk membuat pemotongan cukai jualan?**
- J : Pembelian barang bercukai mesti dapat dibuktikan dengan invois yang dikeluarkan oleh pembekal kepada pengilang berdaftar dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris yang mengandungi butir-butir yang ditetapkan di bawah Peraturan 16C(b), Peraturan-Peraturan Cukai Jualan (Pindaan) 2018.
11. S : **Syarikat saya telah menghantar permohonan pemotongan cukai jualan bagi tempoh bercukai Januari-Februari 2019. Bolehkah saya membuat pindaan ke atasnya? Bolehkah saya membuat pindaan dalam tempoh bercukai seterusnya?**
- J : Tidak dibenarkan membuat pindaan setelah permohonan pemotongan cukai jualan dihantar.
12. S : **Adakah saya perlu menyimpan rekod yang berkaitan dengan kemudahan pemotongan cukai jualan?**
- J : Ya. Pengilang berdaftar hendaklah menyimpan semua rekod yang berkaitan dengan pemotongan cukai jualan dari tarikh pemotongan bagi tempoh tujuh (7) tahun untuk pemeriksaan pegawai cukai jualan yang hak/ pegawai audit pada bila-bila masa.
13. S : **Saya telah membuat potongan cukai jualan untuk Invois ABC dalam tempoh bercukai Jun - Julai 2019. Pada bulan Ogos 2019, saya telah memulangkan beberapa barang yang dibeli kepada pembekal kerana masalah kualiti barang. Pembekal itu kemudiannya mengeluarkan nota kredit untuk barang yang dikembalikan. Bagaimanakah saya perlu membuat pelarasan untuk potongan cukai jualan yang telah dibuat?**
- J : Bayaran balik cukai yang terlibat hendaklah dibuat dalam Borang SST-ADM (lain-lain bayaran di bawah Akta Cukai Jualan 2018) selewat-lewatnya pada akhir bulan berikutnya selepas bulan di mana nota kredit itu dikeluarkan.

PERTANYAAN

Sebarang panduan berkaitan panduan ini sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (CDN)

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Aras 3 - 7, Blok A, Menara Tulus,

No. 22, Persiaran Perdana, Presint 3,

62100 Putrajaya.

BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

(i) Laman Web SST : <https://mysst.customs.gov.my>

(ii) Pusat Panggilan Kastam

- Tel : 03-7806 7200 / 1-300-888-500
- Fax : 03-7806 7599
- Email: ccc@customs.gov.my

RINGKASAN PINDAAN PADA DOKUMEN

Versi 4 – 30 Oktober 2019

Para	Keterangan
SOALAN-SOALAN LAZIM	Memasukkan SOALAN NO. 13



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA
Stesen Kuala Lumpur
Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Kompleks Kastam WPKL, 22, Jalan SS 6/3 Kelana
Jaya, 47301 Petaling Jaya, Selangor
 Telefon : 03-83232100 / 1-300-888-500
 Faksimile : 03-88824911
 Laman Web : www.mysst.customs.gov.my
 E-Mel : ccc@customs.gov.my



...<Nama Syarikat>.....
 ...<Alamat Syarikat>.....

Ruj Kami :
 Tarikh :
 SST No. :
 Stesen Mengawal :

Tuan/Puan,

SURAT KELULUSAN PERMOHONAN PENDAFTARAN UNTUK PEMOTONGAN CUKAI JUALAN DI BAWAH SEKSYEN 41A, AKTA CUKAI JUALAN 2018

Perkara di atas dirujuk.

Dimaklumkan bahawa permohonan tuan/puan untuk pendaftaran pemotongan cukai jualan telah diluluskan oleh Menteri selaras dengan Seksyen 41A, Akta Cukai Jualan 2018 berdasarkan sebab-sebab berikut:

1. PEMBELIAN SECARA RUNCIT / DALAM KUANTITI YANG KECIL.

Butir-butir kelulusan tuan/puan adalah seperti berikut:

No Kelulusan Pendaftaran :
Tarikh Berkuatkuasa :

Sebagai orang yang telah diluluskan pendaftaran untuk pemotongan cukai jualan di bawah Seksyen 41A, Akta Cukai Jualan 2018 tuan/puan dikehendaki mematuhi syarat-syarat permohonan pemotongan cukai jualan yang ditetapkan seperti di **LAMPIRAN 1**.

Tuan/Puan boleh melayari laman web MySST di capaian www.mysst.customs.gov.my atau menghubungi pejabat ini seperti maklumat yang tertera di atas untuk keterangan lanjut.

Sila ambil maklum bahawa keputusan ini boleh dibatal, ditarik balik atau terbatal pada bila-bila masa sekiranya pihak tuan/puan didapati melanggar syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Jabatan Kastam Diraja Malaysia

LAMPIRAN 1

SYARAT – SYARAT PERMOHONAN PEMOTONGAN CUKAI JUALAN

- Bahan mentah, komponen atau bahan pembungkusan bercukai dibeli dan digunakan semata-mata dalam pengilangan barang siap bercukai.
- Bahan mentah, komponen atau bahan pembungkusan bercukai dibeli daripada orang yang bukan pengilang berdaftar.
- Pembekal itu tidak mempunyai hubungan dengan pengilang berdaftar.
- Cukai jualan bagi bahan mentah, komponen atau bahan pembungkusan yang dibeli telah dibayar
- Invois yang dikeluarkan oleh pembekal kepada pengilang berdaftar adalah dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris yang mengandungi butir-butir yang ditetapkan seperti dalam Peraturan 7 (Peraturan Cukai Jualan 2018).
- Pengilang berdaftar hendaklah membuat pemotongan cukai jualan dalam Borang SST-02 bagi tempoh bercukai semasa barang bercukai itu dibeli.
- Untuk pemotongan cukai jualan kali pertama, pengilang berdaftar hanya boleh membuat pemotongan cukai jualan bagi invois pembelian yang dikeluarkan pada/selepas tarikh kelulusan pendaftaran berkuatkuasa.
- Pengilang berdaftar yang telah membuat pemotongan apa-apa jumlah cukai jualan ke atas pembelian bahan mentah, komponen atau bahan pembungkusan yang bercukai tidak boleh melupuskan barang tersebut atau dia perlu membayar jumlah pemotongan cukai jualan yang terlibat.

Sales Tax Deduction No. :

SST No. :



Sales Tax Deduction (STD) Under Section 41A Sales Tax Act 2018

I _____ (Name of Declarant)

for

_____ (Name of Firm/Company)

address

_____ (Address of Business)

_____ (STD Submitted Date)

(Taxable Period of Sales Tax Deduction)

I hereby certify that purchased items from date dd/mm/yyyy as below:

NO	INVOICE DATE	INVOICE NO.	SUPPLIER'S NAME	BRN	TARIFF CODE	DESCRIPTION OF GOODS TO BE PURCHASED	DESCRIPTION OF GOODS	RATE OF SALES TAX	PURCHASE PRICE (RM)	RATE OF SALES TAX DEDUCTION (%)	AMOUNT OF SALES TAX DEDUCTION (RM)
1											
2											
3											
4											
5											
6											

Total Deduction Amount : RMxxxxx



JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

**USER MANUAL
SALES TAX DEDUCTION SYSTEM
(PUBLIC USER)**

CONTENTS

1. SALES TAX DEDUCTION (PUBLIC DASHBOARD).....	1
1.1 Login to Dashboard	2
1.2 Update Company Information	4
1.3 Add New Director.....	5
1.4 Update Director.....	7
1.5 Agreement.....	9
1.6 Home (Sales Tax Deduction menu)	10
1.7 Sales Tax Deduction Registration Form	11
1.8 Sales Tax Deduction Approval Letter.....	16
1.9 Deduction Period List (Sales Tax Deduction)	18
1.10 Apply Deduction (Deduction Period List)	19
1.11 Print Certificate (Deduction Period List).....	28
1.12 Return & Payment	31
1.13 Return & Payment (Reset to Draft)	41
1.14 Reapply Sales Tax Deduction	46

1. SALES TAX DEDUCTION (PUBLIC DASHBOARD)




Figure 1: MySST website

1. Go to <https://mysst.customs.gov.my/> and display MySST website. (refer Figure 1)
2. Click on Log in menu and display Login page. (refer Figure 1)

1.1 Login to Dashboard

The screenshot shows the MySST login interface. A red box labeled '7' encompasses the entire login form. The form itself has a white background and includes the MySST logo at the top. Below the logo is a large text input field for the SST Registration Number, with a red box labeled '2 & 3' around it. Underneath this field is a button labeled 'Click Enter To Insert SST Registration Number' and a blue button labeled 'Enter' with a red box labeled '8' around it. Below these are two more text input fields: 'USER ID *' with a red box labeled '9' and 'PASSWORD *' with a red box labeled '10'. To the left of the password field is a 'Remember me' checkbox. To the right is a 'Forgot password?' link. Below the password field is a blue 'Log in' button with a red box around it. At the bottom of the form is a 'Back To Home' link. To the right of the login form, there are two white boxes with black text. The top box is titled 'Please follow these steps:' and contains a five-step instruction list. The bottom box is titled 'Exemption Schedule B:' and contains a single instruction.

7

MySST
SALES & SERVICE TAX

Click Enter To Insert SST Registration Number

Enter

USER ID *

PASSWORD *

☐ Remember me

Log in

Back To Home

2 & 3

8

9

10

Please follow these steps:

1. Click Enter To Insert SST Number.
2. Insert SST No and Click Save.
3. Insert User ID.
4. Insert Password.
5. Click Log In.

Exemption Schedule B:

1. Please insert Registration No. in SST Registration NO. field.

Figure 2: Login page

3. Click on Search button to insert SST Registration Number in the box provided or Click Enter to insert in SST Registration Number (Eg: STN-YYMM-XXXXXXXX) (refer Figure 2)

Please Insert SST Registration No. ×

SST Registration No.

Eg: STN-YYMM-XXXXXXXX 4 & 5

Cancel Save 6

Figure 3: Please Insert SST Registration No.

4. Display pop-up window of Please Insert SST Registration No. (refer Figure 3)
5. Insert SST Registration No. (Eg: STN-YYMM-XXXXXXXX) (refer Figure 3)
6. Insert SST No and Click Save button (refer Figure 3)
7. Display Login page (refer Figure 2)
8. Insert User ID (email address) in text input provided (refer Figure 2)
9. Insert password in input field provided (refer Figure 2)
10. Click on Log In button (refer Figure 2)

1.2 Update Company Information




Figure 4: Sila Kemaskini Maklumat Syarikat pop-up

11. Display Dashboard page (refer Figure 4)
12. Once login, "Sila Kemaskini Maklumat Syarikat" pop up message displayed. (Refer Figure 4)

Registration Info

Part A: Business Particulars | Part B: Manufacturing/Service Details | **Director** | Premises | Finished Goods

1. No. Pendaftaran
Registration No.

a) No. Pendaftaran SST :
SST Registration No.

Nama Stesen :
Station Name

b) No. Pendaftaran GST :
GST Registration No.

c) No. Pendaftaran Cukai Pelancongan :
Tourism Tax Registration No.

d) No. Rujukan Cukai Pendapatan:
Income Tax Reference No.

2. No. Rujukan Audit Kastam :
Customs Audit Reference No.

13

Figure 5: Registration Info

13. Click Ok button and redirect to Registration Info (refer Figure 5)

1.3 Add New Director

Registration Info

Part A: Business Particulars | Part B: Manufacturing/Service Details | **Director** | Premises | Finished Goods | Sub-Contract | Agreement

+ Add New Director

Actions	Name	Current Address	Telephone No.	Appointed Date
No data				

Total: 0

14

Figure 6: Director (Registration Info)

14. Click Director Tab and update director information. Add new director if necessary. (Refer Figure 6)

The screenshot shows a web form titled "Create New Director" with a close button (X) in the top right corner. The form contains the following fields and labels:

- Director Name :** A text input field with the placeholder "NAME OF DIRECTOR".
- Director Address :** Three stacked text input fields with placeholders "ADDRESS 1", "ADDRESS 2", and "ADDRESS 3". A red annotation "15&16" is placed to the right of the "ADDRESS 1" field.
- Postcode :** A text input field with the placeholder "POSTCODE", followed by a blue button with a magnifying glass icon and a red button with an "X" icon.
- City :** A text input field with the placeholder "CITY".
- State :** A text input field with the placeholder "STATE".
- Telephone No. :** A text input field with the placeholder "TELEPHONE NO. (i.e: 0145234678)".
- Please choose the Identity Type.** A dropdown menu with a downward arrow icon.
- Appointed Date :** A text input field with the placeholder "DD/MM/YYYY".

At the bottom right of the form, there are two buttons: "Cancel" and "Save". The "Save" button is highlighted with a red box and a red annotation "17".

Figure 7: Create New Director

15. Click Add New Director button and Create New Director screen displayed. (refer Figure 7)
16. Fill in provided field. (refer Figure 7)
17. Click Save button and Director information saved successfully. (refer Figure 7)

1.4 Update Director

Registration Info

Part A: Business Particulars Part B: Manufacturing/Service Details **Director** Premises Finished Goods Sub-Contract Agreement

[+ Add New Director](#)

Actions	Name	Current Address	Telephone No.	Appointed Date
18 Action	ALI	JLN ALI	012345678	04/12/2018

Total: 1

Navigation: [Previous] [1] [Next] [10]

Figure 8: Director (Update Director)

18. Click Action> Edit button and Update Director screen displayed. (refer Figure 8)

The screenshot shows a web form titled "Update Director" with a close button (X) in the top right corner. The form contains the following fields and values:

- Director Name :** ALI
- Director Address :** JLN ALI, KOTA ALI, ADDRESS 3
- Postcode :** 17007 (with search and clear icons)
- City :** PASIR MAS
- State :** KELANTAN
- Telephone No. :** 012345678
- Please choose the Identity Type.** IC - NOMBOR KAD PENGENALAN / IDENTITY CARD NO (dropdown menu)
- IC No** 952341567892
- Nationality** MY - MALAYSIA
- Appointed Date :** 04/12/2018

At the bottom right, there are two buttons: "Cancel" and "Save". A red box highlights the "Save" button, with the number "19&20" written above it. Another red number "19" is placed next to the "ADDRESS 3" field.

Figure 9: Update Director

19. Update director information in field provided and Click Save button.

(Refer Figure 9)

20. Director information saved successfully. (Refer Figure 9)

1.5 Agreement

Registration Info

Part A: Business Particulars Part B: Manufacturing/Service Details Director Premises Finished Goods Sub-Contract **21**
Agreement

21

- ☒ Saya bersetuju dan mengesahkan maklumat didaftarkan adalah benar.
- ☐ Saya mengesahkan maklumat telah dikemaskini.
- ☐ Saya tidak mengilang barang bercukai atau tidak layak didaftarkan.

22
Save

Figure 10: Agreement (Registration Info)

21. Click on Agreement tab and tick one of agreement checkbox (mandatory)

(Refer Figure 10)

22. Click Save button and "Saved Successfully" message displayed. (Refer Figure 10)

1.6 Home (Sales Tax Deduction menu)




Figure 11: Home

23. Redirect to Home. (Refer Figure 11)

24. Sales Tax Deduction menu appear on dashboard. (Refer Figure 11)

25. Click on Sales Tax Deduction> Registration Form to register for Sales Tax Deduction. (Refer Figure 11)

1.7 Sales Tax Deduction Registration Form

Sales Tax Deduction Registration Form

PERMOHONAN PENDAFTARAN UNTUK PEMOTONGAN CUKAI JUALAN

1. No. Pendaftaran Cukai Jualan
Sales Tax Registration No.

2. Nama Firma/Syarikat
Name of Firm/Company

3. Alamat Perniagaan Berdaftar
Address of Business

Poskod
Postcode

Bandar
City

Negeri
State

4. Pilih Pengarah Syarikat
Choose Company Director

LOT 27-31, JALAN KRI 5

TAMAN INDUSTRY KRI

RAWANG

48000

RAWANG

SELANGOR

Please Choose

Figure 12: Sales Tax Deduction Registration Form

26. Sales Tax Deduction Registration Form displayed. (Refer Figure 12)

27. Field below is auto populated: (refer Figure 12)

- a) Sales Tax Registration No.
- b) Name of Firm/ Company
- c) Address of Business
- d) Postcode
- e) City
- f) State

28. Choose Company Director is a dropdown list and mandatory. (Refer Figure 12)

4. Pilih Pengarah Syarikat
Choose Company Director

29

Saya ... No Kp ... jawatan PENGARAH bagi syarikat [REDACTED] IHD bte ALI ABU
 pemohonan cukai jualan yang diperuntukan di bawah Seksyen 41A Akta Cukai &
 / ... IC No ... Designation DIRECTOR for [REDACTED] Address LOT 27-31, JALAN KRI 5 TAMAN INDUSTRI KRI RAWANG 48000 RAWANG SELANGOR hereby apply for registration of sales tax deduction provided under Section 41A
 Sales Tax Act 2018.

Saya mengakui bahawa saya tidak dapat memperolehi bahan mentah, komponen dan bahan pembungkusan dengan pengecualian cukai jualan di bawah Jadual C, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada
 Pembayaran Cukai) 2018 kerana sebab-sebab berikut:
 I acknowledge that I cannot acquire raw materials, components and packaging materials with Sales Tax Exemption under Schedule C, Sales Tax (Persons Exempted from Payment of Tax) Order 2018 due to the following reasons:

☐ Saya membuat belian secara runit / dalam kuantiti yang kecil.
 I made retail purchases / in small quantities

☐ Saya tidak dapat membeli secara terus dari pengilang berdaftar / secara import.
 I cannot buy directly from a registered manufacturer / by import

☐ Pembelian dibuat secara ad-hoc.
 I made an Ad-hoc purchase

☐ Lain-lain (Nyatakan):
 Others (Please State):

Saya juga mengaku bahawa bahan mentah, komponen dan bahan pembungkusan yang dibeli digunakan hanya untuk mengilang barang bercukai yang dikilangkan oleh syarikat saya.
 I declare that the raw materials, components and packaging materials purchased are used solely in the manufacturing of taxable goods by my company.

Saya juga mengaku bahawa bahan mentah, komponen dan bahan pembungkusan dibeli dari bukan pengilang berdaftar yang tiada hubungan dengan syarikat saya.
 I declare that the raw materials, components and packaging materials are purchased from a non-registered manufacturers that are not connected to my company.

☐ Saya dengan ini mengesahkan bahawa butir-butir yang dinyatakan di dalam permohonan ini adalah benar dan betul.
 I hereby confirm that the particulars specified in this application are true and correct.

Tarikh: 31/12/2018

Submit

Figure 13: Sales Tax Deduction Registration Form (Choose Company Director)

29. Choose Company Director from dropdown list. The director information will auto populated on declaration statement below. (Refer Figure 13)

4. Pilih Pengarah Syarikat
Choose Company Director

Please Choose

Saya ... No Kp ... jawatan PENGARAH bagi syarikat ... beralamat LOT 27-31, JALAN KRI 5 TAMAN INDUSTRY KRI RAWANG 48000 RAWANG SELANGOR dengan ini membuat permohonan pendaftaran untuk pematangan cukai jualan yang dipenuntukan di bawah Seksyen 41A Akta Cukai Jualan 2018.
I ... IC No ... Designation DIRECTOR for ... Address LOT 27-31, JALAN KRI 5 TAMAN INDUSTRY KRI RAWANG 48000 RAWANG SELANGOR hereby apply for registration of sales tax deduction provided under Section 41A Sales Tax Act 2018.

Saya mengakui bahawa saya tidak dapat memperoleh bahan mentah, komponen dan bahan pembungkusan dengan pengecualian cukai jualan di bawah Jadual C, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 kerana sebab-sebab berikut:
I acknowledge that I cannot acquire raw materials, components and packaging materials with Sales Tax Exemption under Schedule C, Sales Tax (Persons Exempted from Payment of Tax) Order 2018 due to the following reasons:

☐ Saya membuat belian secara runcit / dalam kuantiti yang kecil.
I made retail purchases / in small quantities

☐ Saya tidak dapat membeli secara terus dari pengilang berdaftar / secara import.
I cannot buy directly from a registered manufacturer / by import

☐ Pembelian dibuat secara ad-hoc.
I made an Ad-hoc purchase

☒ Lain-lain (Nyatakan):
Others (Please State):

PLEASE STATE...

Please state your reason

Saya juga mengaku bahawa bahan mentah, komponen dan bahan pembungkusan yang dibeli digunakan hanya untuk mengilang barang bercukai yang dikilangkan oleh syarikat saya.
I declare that the raw materials, components and packaging materials purchased are used solely in the manufacturing of taxable goods by my company.

Saya juga mengaku bahawa bahan mentah, komponen dan bahan pembungkusan dibeli dari bukan pengilang berdaftar yang tiada hubungan dengan syarikat saya.
I declare that the raw materials, components and packaging materials are purchased from a non-registered manufacturers that are not connected to my company.

☐ Saya dengan ini mengesahkan bahawa butir-butir yang dinyatakan di dalam permohonan ini adalah benar dan betul.
I hereby confirm that the particulars specified in this application are true and correct.

Tarikh: 31/12/2018

Figure 14: Sales Tax Deduction Registration Form (Declaration checkbox)

30. Tick the checkbox (mandatory) and for "Others" checkbox mandatory to state the reason in box provided. (Refer Figure 14)
31. Tick the declaration checkbox (mandatory) (refer Figure 14)
32. Submit button turn up only when all information completed (included mandatory) (refer Figure 15)

4. Pilih Pengarah Syarikat
Choose Company Director

ALU ABU

Saya ALU ABU No Kp 952341567892 jawatan PENGARAH bagi syarikat 1 2 beralamat LOT 27-31, JALAN KRI 5 TAMAN INDUSTRY KRI RAWANG 48000 RAWANG SELANGOR dengan ini membuat permohonan pendaftaran untuk pematangan cukai jualan yang diperuntukan di bawah Seksyen 114A Akta Cukai Jualan 2018.
I ALU ABU IC No 952341567892 Designation DIRECTOR for Address LOT 27-31, JALAN KRI 5 TAMAN INDUSTRY KRI RAWANG 48000 RAWANG SELANGOR hereby apply for registration of sales tax deduction provided under Section 41A Sales Tax Act 2018.

Saya mengakui bahawa saya tidak dapat memperoleh bahan mentah, komponen dan bahan pembungkusan dengan pengecualian cukai jualan di bawah Jadual C, Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 kerana sebab-sebab berikut:
I acknowledge that I cannot acquire raw materials, components and packaging materials with Sales Tax Exemption under Schedule C, Sales Tax (Persons Exempted from Payment of Tax) Order 2018 due to the following reasons:

☒ Saya membuat belian secara runcit / dalam kuantiti yang kecil.
I made retail purchases / in small quantities
☐ Saya tidak dapat membeli secara terus dari pengilang berdaftar / secara import.
I cannot buy directly from a registered manufacturer / by import
☐ Pembelian dibuat secara ad-hoc.
I made an Ad-hoc purchase
☐ Lain-lain (Nyatakan):
Others (Please State):

Saya juga mengaku bahawa bahan mentah, komponen dan bahan pembungkusan yang dibeli digunakan hanya untuk mengilang barang bercukai yang dikilangkan oleh syarikat saya.
I declare that the raw materials, components and packaging materials purchased are used solely in the manufacturing of taxable goods by my company.

Saya juga mengaku bahawa bahan mentah, komponen dan bahan pembungkusan dibeli dari bukan pengilang berdaftar yang tiada hubungan dengan syarikat saya.
I declare that the raw materials, components and packaging materials are purchased from a non-registered manufacturers that are not connected to my company.

☒ Saya dengan ini mengesahkan bahawa butir-butir yang dinyatakan di dalam permohonan ini adalah benar dan betul.
I hereby confirm that the particulars specified in this application are true and correct.


Tarikh: 31/12/2018

32&33

Submit

Figure 15: Sales Tax Deduction Registration Form (Declaration checkbox)

33. Click Submit button. (Refer Figure 15)



35

Figure 16: "Permohonan telah Berjaya dihantar/ Your application has been Successfully submitted" pop-up

34. "Permohonan telah berjaya dihantar/ Your application has been successfully submitted" pop-up message displayed. (Refer Figure 16)
35. Click Ok button. (Refer Figure 16)

1.8 Sales Tax Deduction Approval Letter

Welcome to Malaysia Sales And Service Tax System (MySST).

Company Summary

SST Registration No: [Redacted] BRN No: [Redacted]
Company Name: [Redacted] Station Name: B16 - Subang (OPA)
Registration Type: [Redacted]
Sales Tax: [Redacted]

Login

Name: Created By System
Identity No: -
Type Of User: Public User
Access Level: Admin
Last Login: 12/31/2018 5:39:18 PM

Inbox

Actions	No.	Message Name	Reference No.	Letter Date
Actions	1	SURAT KELULUSAN PEMOTONGAN CUKAI JUALAN	[Redacted]	31/12/2018
Actions	2	SURAT KELULUSAN	[Redacted]	17/09/2018

Total: 2

Figure 17: Home

36. Redirect to Home once Sales Tax Deduction Registration Form approved.
(Refer Figure 17)

37. Go to Inbox. (Refer Figure 17)

38. Refer to "Surat Kelulusan Pemotongan Cukai Jualan/ Sales Tax Deduction Approval Letter" in Inbox. (Refer Figure 17)

Welcome to Malaysia Sales And Service Tax System (MySST).

Company Summary		Login	
SST Registration No	BRN No	Name	: Created By System
Company Name	Station Name	Identity No	: -
Registration Type	B16 - Subang (OPA)	Type Of User	: Public User
Sales Tax		Access Level	: Admin
		Last Login	: 12/31/2018 5:39:18 PM

Inbox				
Actions	No.	Message Name	Reference No.	Letter Date
Print Tax Deduction Approval Letter	39	PEMOTONGAN PEMOTONGAN CUKAI JUALAN		31/12/2018
		KELULUSAN		17/09/2018

Total: 2

Figure 18: Home>Actions>Print Tax Deduction Approval Letter

39. Click Actions>Print Tax Deduction Approval Letter. (Refer Figure 18)
40. Tax Deduction Approval Letter downloaded (in pdf) and can be view and printed. (Refer Figure 18)
41. No. Kelulusan Pendaftaran & Tarikh Berkuatkuasa include in Sales Tax Deduction Letter. (Refer Figure 18)

Notes:

1. Once Sales Tax Deduction Registration Form submit and approved, Sales Tax Deduction menu and Registration Form sub-menu disappear.
2. Refer to Sales Tax Deduction Approval Letter in Inbox
3. If JKDM Officer cancel registration, User need to reapply again Sales Tax Deduction.

1.9 Deduction Period List (Sales Tax Deduction)

Deduction Period List		Manage Deduction Period Application					
Action	Start Date	End Date	Tax Return Due Date	STD No	Total Deduction	Status	Status Date
Actions	01/09/2018	31/10/2018	30/11/2018	-	-	Not Applied	-
Actions	01/11/2018	31/12/2018	31/01/2019	-	-	Not Applied	-
Actions	01/01/2019	28/02/2019	01/04/2019	-	-	-	-
Actions	01/03/2019	30/04/2019	31/05/2019	-	-	-	-
Actions	01/05/2019	30/06/2019	31/07/2019	-	-	-	-
Actions	01/07/2019	31/08/2019	30/09/2019	-	-	-	-
Total: 6							

Figure 19: Deduction Period List

42. Deduction Period List submenu appear on dashboard. (Refer Figure 19)
43. Click on Sales Tax Deduction > Deduction Period List to apply deduction for that current period. (Refer Figure 19)

1.10 Apply Deduction (Deduction Period List)

Deduction Period List							
Manage Deduction Period Application							
Action	Start Date	End Date	Tax Return Due Date	STD No	Total Deduction	Status	Status Date
Actions	01/09/2018	31/10/2018	30/11/2018	-	-	Not Applied	-
Actions	01/11/2018	31/12/2018	31/01/2019	-	-	Not Applied	-
Actions	01/01/2019	28/02/2019	01/04/2019	-	-	-	-
Apply	01/03/2019	30/04/2019	31/05/2019	-	-	-	-
Actions	01/05/2019	30/06/2019	31/07/2019	-	-	-	-
Actions	01/07/2019	31/08/2019	30/09/2019	-	-	-	-
Total: 6							

Figure 20: Deduction Period List > Actions > Apply

44. Click on Actions > Apply (Refer Figure 20)

***SYARAT-SYARAT PERMOHONAN**
*** Application Conditions**

1. Bahan mentah, komponen atau bahan pembungkusan bercukai jualan dibeli dan digunakan semata-mata dalam pengilangan barang-barang siap bercukai jualan.
That the taxable raw materials, components or packaging materials are purchased and use solely in the manufacturing of taxable goods.
2. Bahan mentah, komponen atau bahan pembungkusan bercukai jualan dibeli daripada orang yang bukan pengilang berdaftar.
That the taxable raw materials, components or packaging are purchased from a non-registered manufacturer.
3. Pembekal itu tidak mempunyai hubungan dengan pengilang berdaftar.
That the supplier is not connected to the registered manufacturer.
4. Cukai jualan bagi bahan mentah, komponen atau bahan pembungkusan yang dibeli telah dibayar.
That the sales tax of taxable raw materials, components or packaging materials purchased has been paid.
5. Invois yang dikeluarkan oleh pembekal kepada pengilang berdaftar adalah dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris yang mengandungi butir-butir yang ditetapkan seperti dalam Peraturan 7 (Peraturan Cukai Jualan 2018).
That the invoice issued by the supplier to the registered manufacturer is in National language or English language containing the prescribed details as in Reg. 7 (Sales Tax Regulation 2018).
6. Pengilang berdaftar hendaklah membuat pemotongan dalam borang SST-02 bagi tempoh bercukai di mana barang itu dibeli.
The registered manufacturer shall make the deduction in the return SST-02 for the taxable period during which the goods were purchased.
